



**EVOLUSI PENDIDIKAN ULUL ALBAB DI MALAYSIA: KERANGKA
PEMBANGUNAN DAN IMPLEMENTASI ‘MODEL SEGI
TIGA GAGASAN ANDALUSIA 2.0’**

**[EVOLUTION OF ULUL ALBAB EDUCATION IN MALAYSIA: FRAMEWORK
FOR THE DEVELOPMENT AND IMPLEMENTATION OF ‘THE
ANDALUSIAN VISION 2.0 TRIANGULAR MODEL’]**

WAN ZIKRI QAMARUDDIN^{1*}

^{1*} Yayasan Ulul Albab, Presint 11, 62300 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya, MALAYSIA.

Correspondent Email: azharvard@gmail.com

Received: 19 August 2024

Accepted: 27 August 2024

Published: 7 September 2024

Abstrak: Kertas konsep ini meneroka evolusi dan perjalanan program dan kurikulum Pendidikan Ulul Albab di Malaysia sepanjang 25 tahun yang lalu, menonjolkan perkembangan sekolah-sekolah IMTIAZ, MRSM Ulul Albab serta Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) - Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan pusat mahupun negeri dan swasta. Pada awalnya, Program Pendidikan Ulul Albab ini dirancang untuk mengintegrasikan pendidikan agama khususnya Hafazan Quran dan akademik dalam aliran Sains Tulen sahaja, namun ianya terbukti berjaya mencapai objektif asasnya, membawa kepada kemajuan pendidikan yang signifikan. Kerangka konsep baharu, Model Piramid Gagasan Andalusia 2.0, diperkenalkan untuk merangkum proses pertumbuhan ini, dengan penekanan kepada lahirnya bakal Ilmuwan Islam yang bermula prosesnya di peringkat kanak-kanak lagi sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Model ini menyasarkan tiga lapisan kumpulan utama: kumpulan *Thalatha Tis'a* (umur 3-9 tahun), yang memulakan program al-Quran (mendengar, membaca dan menghafaz) serta kemahiran bahasa seawal usia 3 tahun; lapisan kumpulan kedua iaitu golongan pelajar Ulul Albab di peringkat sekolah menengah; dan lapisan kumpulan terakhir digelar ‘Andalusian Scholars’ di peringkat pengajian tinggi. Kerangka yang diperluas ini mengambil inspirasi daripada tamadun Andalusia (711-1492M) yang agung, terkenal dengan pencapaiannya dalam bidang pengetahuan, sains, teknologi, budaya, ekonomi dan pentadbiran. Golongan inilah yang mendapat jolokan nama sebagai *polymath* dan *polyglot* pada zaman tamadun Andalusia. Melalui pelaksanaan terperinci dan berfokus bagi setiap lapisan kumpulan ini, kertas kerja ini berhujah mengenai potensinya sebagai panduan menyeluruh dan gambaran halatuju untuk mewujudkan Model Gagasan Andalusia 2.0, yang memberi manfaat dan kejayaan kepada ummah Islam dan komuniti global.

Kata kunci: Ulul Albab, IMTIAZ, Andalusian Scholar, Model Gagasan Andalusia 2.0.

Abstract: This concept paper explores the evolution and journey of the Ulul Albab Education program and curriculum in Malaysia over the past 25 years. It highlights the development of IMTIAZ schools, MRSM Ulul Albab, as well as Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) and Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) - Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), which are operated by both central and state government agencies as well as private entities. Initially, the Ulul Albab Education Program was designed to integrate religious education, specifically Quran memorization, with academic studies solely in the Pure Science stream. However, it has proven successful in achieving its fundamental objectives,

leading to significant educational advancements. A new conceptual framework, the Andalusian Vision Triangular Model 2.0, has been introduced to encompass this growth process, emphasizing the development of prospective Islamic scholars from childhood through to higher education. This model targets three main layers: the *Thalatha Tis'a* group (ages 3-9), which begins the Quran program (listening, reading, and memorizing) and language skills as early as age 3; the second layer, which consists of Ulul Albab students at the secondary school level; and the final layer, known as Andalusian Scholars at the higher education level. This expanded framework draws inspiration from the illustrious Andalusian civilization (711-1492 CE), renowned for its achievements in knowledge, science, technology, culture, economy, and administration. This civilization produced polymaths and polyglots during its era. Through detailed and focused implementation for each group layer, this paper argues for its potential as a comprehensive guide and vision for creating the Andalusian Vision Model 2.0, which aims to benefit and achieve success for the Islamic ummah and the global community.

Keywords: Ulul Albab, IMTIAZ, Andalusian Scholar, Andalusian Vision Model 2.0

Cite This Article:

Wan Zikri Qamaruddin. 2024. Evolusi Pendidikan Ulul Albab di Malaysia: Kerangka Pembangunan dan Implementasi 'Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0' [Evolution of Ulul Albab Education in Malaysia: Framework for The Development and Implementation of 'The Andalusian Vision 2.0 Triangular Model']. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 50-71.

PENGENALAN

Dalam evolusi pendidikan negara untuk beberapa dekad yang lalu, kita sudah kerap membaca berita kejayaan sekolah-sekolah menengah yang mengambil pendekatan pendidikan Ulul Albab iaitu secara asasnya mempunyai pendekatan Tahfiz Sains dalam sistem pembelajarannya. Sebagai contoh, untuk keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2023 yang diumumkan beberapa bulan lepas, menyaksikan Maahad Tahfiz Negeri Pahang telah muncul sebagai juara pada peringkat kebangsaan. Sebagai institusi pelopor konsep pendidikan Tahfiz Sains yang dimulakan oleh Sekolah Imtiaz Besut, kita dapat melihat peluasan konsepnya itu ke pelbagai institusi pendidikan seperti MRSM, SMKA, SBPI, SMAP serta sekolah-sekolah seperti Maahad Tahfiz Sains di bawah kerajaan negeri dan swasta. Setiap tahun, kira-kira 4,000 pelajar lulusan institusi Tahfiz Sains ini memperoleh keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang membanggakan. Malah, Sekolah Imtiaz Besut sendiri pernah muncul sebagai sekolah terbaik di peringkat kebangsaan. Namun, timbul persoalan, apakah itu hala tuju sebenar yang diharapkan bagi para pelajar?

Konsep Pendidikan Ulul Albab telah muncul sebagai paradigma penting dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia. Ianya adalah satu bentuk program kecemerlangan yang mampu mengenal pasti mereka yang berpotensi tinggi dari peringkat awal lagi untuk diasuh dan diasah sebagai pemimpin ummah. Program atau kurikulum Ulul Albab ini dirangka khusus untuk golongan yang terserlah cerdas pandainya di mana ia menggabungkan elemen pendidikan agama dan akademik secara seimbang dan bersepadu untuk membentuk individu yang cemerlang dalam kedua-dua bidang. Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan model ini, terdapat kekurangan dalam kerangka yang mampu merangkumi keperluan golongan sasar Ilmuwan Islam secara holistik dan kritikal. Sebagai respons kepada cabaran ini, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti kelompongan serta penambahbaikan dalam model pendidikan

semasa dan mencadangkan Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 sebagai satu pendekatan baru yang berpotensi memperkasa generasi ilmuwan Islam yang mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ummah dan masyarakat global.

JUSTIFIKASI PEMILIHAN TAMADUN ANDALUSIA SEBAGAI KONSEP MODEL

Islam yang telah mula bertapak sejak zaman Rasulullah saw sendiri, telah mempamerkan kehebatan serta keunggulannya tersendiri. Zaman pemerintahan para sahabat (Khulafa' ar-Rasyidin) juga telah berjaya membuka (*Futuh*) dua pertiga dunia ini. Zaman Kegemilangan Tamadun Andalusia (711-1142M) bukanlah suatu yang mutlak yang telah berlaku dalam lipatan sejarah Islam tanpa menafikan kewujudan tamadun lain yang tidak kurang juga hebatnya seperti Zaman Kerajaan Abbasiyyah, Kerajaan Bani Umayyah, Baghdad dan Mesir serta Utthmaniyyah. Tamadun Andalusia sering dianggap sebagai salah satu tamadun Islam yang terbaik dan boleh dijadikan sebagai satu simbolik ketamadunan Islam berbanding zaman tamadun Islam yang lain kerana beberapa faktor utama. Pertama, Andalusia merupakan pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Universiti seperti Universiti Cordoba adalah antara universiti terawal di dunia, terkenal dengan perpustakaan yang mengandungi ratusan ribu manuskrip. Andalusia juga melahirkan ramai ilmuwan Islam yang terkemuka seperti Ibn Rushd (*Averroes*) dalam bidang falsafah dan perubatan, Al-Zahrawi dalam bidang pembedahan, dan Ibn Arabi dalam bidang sufi dan teologi.

Pada zaman tersebut, masyarakat Andalusia mengamalkan kepelbagaian dan toleransi budaya yang tinggi. Muslim, Kristian, dan Yahudi hidup bersama dalam harmoni, sering bekerjasama dalam bidang sains, perubatan, dan seni. Interaksi ini menghasilkan pertukaran budaya dan ilmu pengetahuan yang kaya, seperti terjemahan karya-karya Yunani klasik ke dalam bahasa Arab dan seterusnya ke bahasa Latin. Seni bina dan seni juga berkembang pesat di Andalusia, dengan contoh-contoh indah seperti istana Alhambra di Granada, Masjid Cordoba, dan Menara Giralda di Seville. Rekabentuk seni bina ini menggabungkan elemen seni bina Islam dengan pengaruh tempatan, sementara seni muzik, puisi, dan seni halus turut mencapai tahap kecemerlangan.

Andalusia juga mencatat kemajuan yang signifikan dalam sains dan teknologi. Dalam bidang matematik dan astronomi, ilmuwan seperti Ibn al-Zarqali (Arzachel) menyumbang kepada pembangunan instrumen astronomi seperti astrolabe, dan pembaharuan dalam algebra. Bidang perubatan pula menyaksikan kemajuan besar, dengan karya Al-Zahrawi yang menjadi rujukan di Eropah selama berabad-abad. Tamadun ini juga memainkan peranan penting sebagai pintu gerbang ilmu ke Eropah, di mana ilmu pengetahuan dari dunia Islam dipindahkan ke Eropah melalui Andalusia, seterusnya menyumbang kepada kebangkitan Renaissance.

Dari segi kepimpinan dan pentadbiran, Andalusia dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berwawasan seperti Abdul Rahman III yang berjaya menyatukan wilayah-wilayah di bawah pemerintahannya, memperkukuhkan ekonomi dan ketenteraan. Andalusia juga mengamalkan sistem pentadbiran yang tersusun dengan birokrasi yang cekap serta pembangunan infrastruktur yang maju seperti sistem pengairan, jalan raya, dan bangunan awam. Ekonomi Andalusia berkembang pesat, dengan kota-kota seperti Cordoba, Seville, dan Granada menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang makmur. Tamadun ini juga maju dalam

bidang pertanian, dengan teknologi pengairan yang canggih dan pelbagai jenis tanaman diperkenalkan, termasuk kapas, gula, dan buah-buahan sitrus.

Selain itu, Andalusia menjadi pusat falsafah Islam di mana karya-karya penting dalam bidang ini dikaji dan dikembangkan. Ibn Rushd, sebagai contoh, memberikan sumbangan besar kepada falsafah Islam dan juga pemikiran Barat. Andalusia juga menjadi tempat di mana idea-idea baru dicetuskan dan dikembangkan, termasuk perbincangan kritis mengenai hubungan antara agama dan sains, serta peranan akal dalam memahami ajaran agama. Kesemua faktor ini menjadikan Tamadun Andalusia sebagai salah satu tamadun Islam yang paling cemerlang dan berpengaruh dalam sejarah, bukan sahaja kepada dunia Islam tetapi juga kepada dunia Barat.

MATLAMAT KAJIAN

Dalam era globalisasi yang pesat, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai nilai-nilai moral yang kukuh. Pendidikan Islam, khususnya, telah menekankan aspek keseimbangan antara ilmu duniawi dan ukhrawi, mencerminkan keharmonian antara kehidupan dunia dan akhirat. Di Malaysia, model pendidikan yang berteraskan konsep Ulul Albab telah berkembang sebagai satu pendekatan yang komprehensif untuk mencapai matlamat ini. Model ini, yang menekankan integrasi ilmu naqli dan aqli, bertujuan melahirkan insan kamil yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kita.

Pendidikan Ulul Albab di Malaysia mula diperkenalkan pada penghujung akhir abad ke-20 sebagai satu usaha untuk menggabungkan pendidikan agama dan akademik, secara lebih khususnya adalah gabungan Tahfiz 30 juz dan aliran Sains Tulen. Model ini, yang pertama kali dilaksanakan di Sekolah Imtiaz Besut pada tahun 1999, telah berkembang dan diterima sebagai satu pendekatan pendidikan yang efektif dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja menguasai ilmu dunia, tetapi juga mendalami ajaran agama. Namun, walaupun kejayaan program ini telah diiktiraf di peringkat kebangsaan, terdapat keperluan untuk menilai dan memperkemas kerangka pendidikan ini agar lebih selaras dengan cabaran zaman moden.

Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 diperkenalkan sebagai satu respons kepada keperluan ini. Ia berasaskan inspirasi daripada tamadun Andalusia, yang terkenal dengan keunggulan dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk sains, teknologi, falsafah, budaya dan kesenian termasuk pengurusan pentadbiran. Tamadun Andalusia telah melahirkan ramai *polymath* atau sarjana serba boleh yang berjaya menggabungkan ilmu agama dengan ilmu umum, sekaligus menghasilkan sumbangan yang luar biasa kepada tamadun manusia. Model ini bertujuan untuk menghidupkan kembali semangat keilmuan tersebut dalam konteks pendidikan Islam masa kini.

Kerangka Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 menawarkan pendekatan yang lebih menyeluruh dan sistematik dalam mendidik generasi masa depan. Model ini bukan sahaja menumpukan kepada aspek pembangunan intelektual dan spiritual, tetapi juga memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah yang tinggi. Dengan memanfaatkan konsep integrasi ilmu yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh seperti Al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas, model ini bertujuan untuk membentuk insan yang seimbang dan holistik, yang mampu menghadapi cabaran global dengan bijaksana dan berakhlak mulia.

Berdasarkan latar belakang ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti dengan lebih mendalam evolusi Pendidikan Ulul Albab di Malaysia serta menilai potensi Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 sebagai satu pendekatan pendidikan yang mampu memperkasa generasi ilmuwan Islam masa depan. Penelitian ini juga akan mengkaji bagaimana kerangka baru ini dapat mengatasi kelemahan dalam model sedia ada dan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan ummah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji evolusi dan perkembangan program Pendidikan Ulul Albab di Malaysia sejak penubuhannya, dengan memberi tumpuan kepada fasa pengenalan, pelaksanaan, dan impaknya sepanjang 25 tahun yang lalu.
2. Menilai keberkesanan pendekatan Pendidikan Ulul Albab dalam melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi pencapaian akademik dan penguasaan ilmu agama, serta meneliti implikasi jangka panjang terhadap pembangunan masyarakat.
3. Memperkenalkan Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 dan menilai potensinya sebagai satu model pendidikan inovatif yang mampu mengatasi kelompongan dalam sistem pendidikan semasa, serta relevansinya dalam konteks pendidikan Islam global.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menekankan sumbangan signifikan yang dapat diberikan oleh model Pendidikan Ulul Albab dan Gagasan Andalusia 2.0 terhadap pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi. Dengan mengaitkan pendidikan ini dengan kegemilangan tamadun Andalusia, kajian ini berupaya menghidupkan kembali warisan keilmuan Islam yang mampu memberi manfaat besar kepada sistem pendidikan moden. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyediakan kerangka pembangunan dan pelaksanaan Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 sebagai satu pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

LATAR BELAKANG

Asal-usul dan Pengenalan Program

Inspirasi Awal

Pendidikan Ulul Albab berakar umbi dalam tradisi keilmuan Islam yang berasaskan prinsip integrasi ilmu naqli dan aqli. Istilah “Ulul Albab,” yang disebut dalam Al-Quran sebanyak 16 kali, merujuk kepada golongan yang bijaksana dan berfikir mendalam, menjadi asas kepada model pendidikan ini. Konsep ini selari dengan pendekatan yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh seperti Al-Ghazali yang menekankan kesatuan ilmu agama dan ilmu dunia dalam satu kerangka pendidikan yang holistik. Di Malaysia, model Pendidikan Ulul Albab telah menjadi platform utama dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang dalam kedua-dua bidang, selaras dengan konsep tunjang Quranik, Ensiklopedik, dan Ijtihadik (QEI), yang memberi penekanan kepada penguasaan Al-Quran, pemahaman mendalam dalam pelbagai disiplin ilmu,

dan kemampuan untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Munculnya Sekolah Imtiaz yang diilhamkan oleh Tan Sri Idris Jusoh pada tahun 1999 menjadi titik tolak bermulanya integrasi institusi pondok dan sekolah di satu tempat.

Pencapaian Akademik

Ramai bekas pelajar Imtiaz telah berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya seperti doktor, peguam, pendidik, jurutera, pakar perisian komputer, dan pelbagai lagi bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Pegangan agama mereka juga masih kukuh. Namun, persoalan mengenai sama ada perkembangan pendidikan mereka akan terhenti di situ sahaja menjadi topik yang perlu difikirkan. Matlamat seterusnya adalah untuk melihat pendidikan yang berteraskan Al-Quran terus berkembang ke peringkat yang lebih tinggi.

Harapan tinggi diletakkan bagi program ini menempatkan roh pendidikan Ulul Albab di peringkat pengajian tinggi dan universiti yang terdapat di dalam negara. Sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa(UIA) dalam usaha mengislamisasikan kurikulum yang ditawarkan memperkenalkan beberapa mata pelajaran integrasi ilmu, seperti subjek *Islamic Worldview* dan subjek *Ethics and Fiqh for Everyday Life*, selain daripada usrah yang dijalankan di kalangan mahasiswa. Malah, pada pengajian di peringkat pasca ijazah, diperkenalkan subjek *Islamisation of Knowledge*. Namun, ianya masih boleh diperkasakan dan diperkukuhkan bagi menghasilkan graduan yang lebih bersifat *polymath* (kepelbagaian ilmu) dan *polyglot* (kepelbagaian bahasa). Sudah tiba masanya untuk universiti di Malaysia, sama ada awam atau swasta, mengambil inisiatif yang lebih proaktif untuk membangunkan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam semua bidang.

Pengembangan dan Perkembangan

Sejarah awal dan Pengembangan Idea

Cetusan idea kepada pembangunan pendidikan Ulul Albab telah menekankan bahawa tujuan utama penubuhan Sekolah Imtiaz dan pengenalan Pendidikan Ulul Albab adalah untuk mengembalikan kegemilangan Islam dalam semua aspek kehidupan, bukan sahaja dalam amalan ibadah tetapi juga dalam cara hidup secara keseluruhan. Pandangan ini mengingatkan kepada suatu catatan sejarah semasa zaman kegemilangan Islam dahulu, di mana masyarakat selain Arab meniru budaya Arab kerana kehebatan Islam di bawah pimpinan Panglima Toriq ibn Ziyad dan khalifah-khalifah ternama seperti Khalifah Abd Rahman al-Dakhil, Muhammad b Abd Rahman, dan Hakam al-Muntasir. Islam pada ketika itu begitu dominan di persada dunia, sehingga puak Kristian ketika itu, dikenali sebagai Mozarabs, meniru segala aspek budaya Arab, termasuk bahasa, pergaulan, perniagaan, dan cara hidup, hingga terbinanya kota-kota kegemilangan ilmuwan dan teknologi Islam seperti Kordoba, Toledo, dan Granada di Sepanyol.

Sepanjang zaman kehebatan Tamadun Andalusia (711-1492M) ketika itu, Islam mencapai tahap cemerlang, gemilang dan terbilang dalam bidang keilmuan, teknologi, inovasi, ekonomi perdagangan, serta tatakelola pentadbiran.

Pelaksanaan di Sekolah-sekolah Lain

Melihat kejayaan Imtiaz di bumi Terengganu, Model Pendidikan Ulul Albab seterusnya diperluaskan ke beberapa institusi lain seperti Maktab Rendah Sains MARA, dinamakan MRSM-Ulul Albab, dan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dinamakan sebagai Tahfiz Model Ulul Albab(TMUA). Ianya menggabungkan kurikulum sains dengan hafazan Al-Quran. Program ini telah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang sains dan teknologi, sambil menghasilkan juga ribuan huffaz setiap tahun. Beberapa kerajaan negeri turut sama menubuhkan Maahad Tahfiz Sains di negeri masing-masing yang mempunyai halatuju serta tujuan yang sama.

Struktur dan Kurikulum Pendidikan Ulul Albab

Integrasi Kurikulum

Pendidikan Ulul Albab menggabungkan kurikulum kebangsaan dengan pendidikan agama yang mendalam, iaitu hafazan 30 juz Al Quran dan subjek-subjek aliran Sains Tulen seperti Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan. Pendekatan ini memberi kekuatan kepada pembangunan holistik, di mana aspek intelektual dan spiritual diberi perhatian yang sama rata. Pendekatan ini juga sejajar dengan konsep pendidikan Islam yang diketengahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang menekankan pembangunan insan yang menyeluruh dan seimbang.

Metodologi Pengajaran

Metodologi pengajaran dalam Pendidikan Ulul Albab menekankan hafazan Al-Quran sebagai elemen utama, dengan pelajar dididik untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran sepanjang tempoh pengajian mereka. Selain itu, pembelajaran aktif dan penggunaan teknologi dalam pengajaran turut diterapkan untuk meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap subjek akademik. Pendekatan ini mencerminkan pendekatan konstruktivis dalam pendidikan, yang menekankan pembelajaran sebagai proses aktif dan berpusatkan pelajar.

Kejayaan dan Impak Program Ulul Albab

Pencapaian Akademik dan Agama

Program Pendidikan Ulul Albab telah mencapai kejayaan yang luar biasa dari segi akademik dan agama. Pelajar hasilan daripada Pendidikan Ulul Albab ini sering dilihat mencatatkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan kebangsaan dan antarabangsa, termasuk jua penglibatan mereka dalam aktiviti ko kurikulum.

Impak Sosial

Program ini telah berjaya melahirkan pemimpin muda yang berpotensi tinggi dalam pelbagai bidang, dengan nilai-nilai Islam sebagai asas. Ramai graduan Ulul Albab kini menyumbang dalam pelbagai sektor profesional, termasuk pendidikan, sains, dan teknologi, serta memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat.

Konteks Sosial dan Pendidikan

Pendidikan Ulul Albab berkembang dalam konteks sosio-ekonomi dan politik Malaysia yang menyokong integrasi antara pendidikan agama dan akademik. Program ini diterima baik oleh masyarakat, khususnya dalam kalangan keluarga yang mengutamakan pendidikan agama. Kajian kes terhadap institusi seperti SM Imtiaz dan MRSM Ulul Albab menunjukkan kejayaan program ini, walaupun terdapat cabaran seperti keperluan untuk memperkasakan guru dalam mengendalikan kurikulum yang semakin kompleks.

ANDALUSIAN SCHOLARS
 • Al-Khwarizmi • Al-Farabi • Ibnu Bkrni
 • Ibnu Sina • Ibnu Rushd • Ibnu Khaldun
 Polymath

imtiaZ
Ulul Albab
 Quranik | Ensiklopedik | Ijtihadik

Thalatha Tis'a

UNIVERSITY OF OXFORD
UNIVERSITY OF CAMBRIDGE

8 IMTIAZ
 8 MRSM
 15 KPM- TMUA
 ++ NEGERI/SWASTA
 (Maahad Tahfiz Sains)
4,000 Huffaz-Sains/tahun

Total Integrated Brain Development
 i- Baca
 ii- Faham
 iii- Tulis
 iv- Hafaz
3
 (Mukjizat al-Quran)

ANDALUSIA 2.0
"Recreating the GOLDEN AGE OF ISLAM"
 Memahat Sejarah, Mencipta Tamadun
 i- Knowledge ii- Economy iii- Science & Tech iv- Culture v- Governance

KERANGKA PEMBANGUNAN DAN IMPLEMENTASI MODEL SEGI TIGA GAGASAN ANDALUSIA 2.0

Matlamat dan Objektif

Matlamat Utama

Model Segi Tiga Andalusia 2.0 ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk memberi kerangka yang lebih jelas kepada pemegangtaruh khususnya yang terlibat dalam membuat dasar, membina polisi serta merangka pelan strategik untuk jangka masa pendek mahupun panjang. Nama Andalusia dipilih sebagai simbolik kepada Tamadun Islam yang pernah mencapai Zaman Keemasan (*The Golden Age of Islam*).

Projek '*Andalusian Scholars*' merupakan satu inisiatif yang direka untuk memastikan bahawa graduan Imtiaz atau Ulul Albab yang melanjutkan pengajian selepas SPM dalam bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, seni bina, pendidikan seni, kesusasteraan, dan sebagainya, sentiasa digandingkan pengajiannya dengan ilmu wahyu serta beberapa subjek khas seperti '*The Islamic Worldview*', '*Islam, Knowledge and Civilisation*', '*Islamic Economy*', '*Islamic Science & Philosophy*', serta bidang-bidang yang menampakkan ciri seorang *Polymath* (kepelbagaian bidang).

Dalam aspek kemahiran bahasa pula, seorang yang bergelar Ulul Albab seharusnya menguasai bukan sahaja dua atau tiga bahasa, malah lebih daripada itu, yang melayakkan mereka digelar sebagai *Polyglot* (kepelbagaian bahasa).

Projek '*Andalusian Scholars*' merupakan gambaran hala tuju yang lengkap dan jelas bagi program atau kurikulum pendidikan Ulul Albab selepas peringkat sekolah menengah, bermatlamatkan untuk memastikan para pelajar ini masih bertaut kepada program integrasi yang merangkumi tuntutan duniawi dan ukhrawi. Beberapa universiti tempatan, seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Tenaga Nasional (UniTen), telah mula mengumpul lekatan Imtiaz dan Ulul Albab ini serta menawarkan kursus profesional kepada mereka. Walaupun usaha ini belum menyeluruh di semua universiti tempatan, ia merupakan inisiatif yang boleh dibanggakan dan langkah pertama yang penting untuk membawa kumpulan ini ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam huraian pemahaman kepada Gagasan Andalusia 2.0 ini, harus diberi penekanan tentang kepentingan asas keilmuan dalam kemajuan teknologi moden. Contoh yang boleh dikaitkan adalah kejayaan telefon pintar dengan *Artificial Intelligence* yang berasaskan kepada algoritma yang mana usulnya daripada asas ilmu algebra, yang diasaskan oleh Abu Abdullah Muhammad Ibn Musa Al-Khawarizmi atau lebih dikenali sebagai Al-Khawarizmi. Beliau yang layak digelar seorang *polymath*, kelahiran Khwarezmi (Khiva, Uzbekistan) pada tahun 780M, telah menyumbang besar dalam bidang matematik, astronomi, astrologi, dan geografi. Konsep-konsep matematik yang diperkenalkan oleh beliau masih digunakan sehingga hari ini, menunjukkan betapa pentingnya integrasi ilmu dalam mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Model Segitiga Gagasan Andalusia 2.0 bertujuan untuk melahirkan Ilmuwan Islam yang holistik, yang bukan sahaja menguasai ilmu agama tetapi juga mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai disiplin ilmu, serta kemampuan untuk berfikir secara kritikal dan

kreatif. Model ini berinspirasi tokoh-tokoh tamadun Andalusia seperti Ibn Rushd, yang dikenali dengan sumbangannya dalam falsafah dan perubatan, serta Ibn Sina, yang merupakan ikon dalam bidang perubatan dan falsafah.

SUMBANGAN ILMUWAN ISLAM DALAM PELBAGAI BIDANG ILMU

Sumbangan terbesar seorang tokoh seperti Al-Khawarizmi adalah dalam pelbagai disiplin ilmu seperti matematik, astronomi, astrologi, geografi, dan kartografi, yang kemudian dikembangkan lebih lanjut ke dalam bidang algebra serta trigonometri. Antara karya terkenal beliau ialah kitab *Al-Jabar*, yang membahas mengenai perhitungan matematik, serta *al-Ard*, yang mengulas mengenai koordinat suatu tempat.

Cendekiawan kedua yang dibicarakan adalah Ibn Batutah, seorang pengembara Islam yang masyhur. Dilahirkan pada tahun 1304 Masehi di pelabuhan Maghribi, Tangier, dengan nama penuh Abu Abdullah Muhammad Ibn Abdullah Al-Lawati Al Tanji Ibn Batutah, beliau dikenali sebagai seorang pengembara yang unggul. Ibn Batutah meninggalkan tempat kelahirannya pada tahun 1325 Masehi, ketika berusia 21 tahun.

Pada mulanya, niat utama beliau adalah untuk menunaikan ibadah haji di Mekah dan menziarahi makam Rasulullah di Madinah. Namun, setelah selesai menunaikan haji, keinginannya berubah untuk mengembara ke seluruh pelosok dunia. Sepanjang 38 tahun pengembaraannya, Ibn Batutah telah menjelajah 44 negara di dua benua, iaitu Afrika dan Asia.

Perjalanan beliau bermula dari Tangier pada 14 Jun 1325. Awalnya, Ibn Batutah mengembara secara bersendirian dengan niat menunaikan haji. Namun, ketika tiba di Afrika Utara, beliau bertemu dengan rombongan yang juga dalam perjalanan ke Mekah dan menyertai mereka untuk menyempurnakan ibadah haji. Setelah itu, beliau meneruskan perjalanan ke Syam dan Laut Hitam. Dari Laut Hitam, beliau berlayar ke Semenanjung Crimea dan mengunjungi Rusia Selatan sebelum melanjutkan pengembaraannya ke India. Di India, beliau dilantik menjadi khadi berdasarkan ilmu dan pengalaman pengembaraannya, dan berkhidmat dengan keluarga diraja India selama enam tahun. Pengembaraan beliau kemudian meluas hingga ke Sri Lanka, Indonesia, dan Canton (ibu negara Hong Kong).

Seterusnya, Ibn Batutah mengembara ke Sumatera, Indonesia, sebelum melanjutkan perjalanan melalui laut Amman dan meneruskan perjalanan darat ke Iran, Iraq, Palestin, dan Mesir. Beliau kembali ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji kali ketujuh pada November 1348 Masehi. Perjalanan terakhir beliau adalah pada tahun 753 Hijrah, ketika beliau berada di Afrika Barat, khususnya di Mali, sebelum kembali ke Pas, Maghribi. Di sini, beliau bertemu dengan Ibn Juza, yang membantu menyusun dan menyunting catatan pengembaraannya ke dalam gaya bahasa yang lebih teratur.

Setelah penyuntingan catatan tersebut selesai, Ibn Batutah meninggal dunia pada tahun 1368. Karya beliau menjadi rujukan penting kerana mengandungi catatan pengembaraan yang lebih luas daripada Marco Polo, dengan gambaran terperinci dan tidak ternilai mengenai masyarakat di seluruh dunia.

Tokoh Islam ketiga yang tidak dapat dinafikan sumbangannya dalam dunia perubatan adalah Ibn Sina. Dikenali di Barat sebagai Avicenna, nama penuhnya ialah Abu Ali Al-Hussain Ibn Abdullah Ibn Hasan Ibn Ali Ibn Sina. Ibn Sina, yang dilahirkan pada tahun 980 Masehi, adalah seorang pakar sains dari Uzbekistan.

Ibn Sina mendapat pendidikan awal di Bukhara dalam bidang bahasa dan sastera. Selain itu, beliau juga mempelajari pelbagai ilmu lain seperti geometri, logik, matematik, sains, fiqh, dan perubatan. Kebolehannya sebagai seorang polymath terserlah, namun beliau lebih menonjol dalam bidang perubatan, baik sebagai seorang doktor mahupun sebagai mahaguru dalam ilmu tersebut.

Ibn Sina mula dikenali ramai apabila berjaya menyembuhkan Putera Nub Ibn Nas al-Samani, yang tidak dapat diubati oleh doktor-doktor lain. Kepakaran beliau dalam bidang perubatan telah melayakkannya menerima gelaran *al-Syeikh al-Rais* (Mahaguru Pertama). Ibn Sina bukan sahaja terkenal di dunia Islam, tetapi juga di wilayah bukan Islam. Karya beliau, *Al Qanun fi al-Tibb* ("Kanun"), diterbitkan di Rom pada tahun 1593 dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul **Precepts of Medicine**. Buku ini diterjemahkan ke dalam 15 bahasa dalam tempoh 100 tahun dan menjadi rujukan asas perubatan di universiti-universiti di Itali dan Perancis, serta terus digunakan sehingga abad ke-19.

Dalam buku *al-Adwiyat al-Qalbiyyah* ("The Remedies of the Heart"), yang ditulis dalam bentuk sajak, Ibn Sina menghuraikan 760 jenis penyakit serta kaedah untuk merawatnya. Karya-karya beliau juga meliputi bidang lain seperti metafizik, muzik, astronomi, filologi, syair, prosa, dan agama.

Selain menjadi puncak dalam bidang perubatan, Ibn Sina juga diiktiraf dalam bidang logik (mantik), sehingga digelar "Guru Ketiga" setelah Aristotle dan al-Farabi. Dalam bidang penulisan, beliau menghasilkan ratusan karya termasuk kumpulan risalah yang mengandungi hasil sastera kreatif.

Yang lebih menakjubkan, Ibn Sina juga merupakan seorang ahli falsafah yang terkenal. Beliau pernah menulis sebuah buku berjudul *al-Najah* yang membincangkan persoalan falsafah. Pemikiran falsafah Ibn Sina banyak dipengaruhi oleh aliran falsafah al-Farabi yang menghidupkan pemikiran Aristotle. Oleh itu, pandangan perubatan Ibn Sina turut dipengaruhi oleh asas dan teori perubatan Yunani, khususnya oleh Hippocrates.

Dalam teori perubatan, Ibn Sina percaya bahawa terdapat empat unsur dalam tubuh manusia, iaitu tanah, air, api, dan angin, yang memberikan sifat lembap, sejuk, panas, dan kering, dan sentiasa bergantung kepada unsur lain dalam alam ini. Beliau juga percaya bahawa terdapat ketahanan semula jadi dalam tubuh manusia untuk melawan penyakit.

Paling penting, Ibn Sina tidak pernah menolak kekuasaan Allah. Dalam buku *An-Najah*, beliau menyatakan bahawa pencipta yang dinamakan "Wajib al-Wujud" adalah satu. Kisah-kisah sejarah kehebatan tamadun Islam terdahulu membawa kepada renungan tentang kehebatan cendekiawan Islam terdahulu.

Zaman kegemilangan kerajaan Islam telah melahirkan ramai ahli falsafah ternama, yang sering kali dipandang remeh dalam sejarah pemikiran manusia. Salah seorang cendekiawan yang muncul pada zaman kegemilangan Andalusia adalah Abu Bakr Muhammad, yang lebih dikenali sebagai Ibn Thufail. Dilahirkan di Asya, Granada, beliau adalah seorang penulis yang hebat dan menguasai kepakaran dalam bidang falsafah, perubatan, serta politik.

Ibn Thufail terkenal sebagai ahli politik yang berwibawa dan pernah berkhidmat sebagai gabenor di Sabtah dan Tonjah, Maghribi. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai doktor peribadi kepada Abu Yakub Yusuf, pemerintah di zaman Dinasti al-Muwahidin. Selain kehebatannya dalam bidang perubatan dan kepetahan berpolitik, Ibn Thufail juga seorang penulis yang pintar. Kehebatannya dalam gaya bahasa yang indah dan mengasyikkan dapat

dibaca dalam novel terkenalnya, *Hayy ibn Yaqzan*. Novel ini menyelitikan falsafah yang mendalam dan bijak menggunakan imaginasi untuk menyampaikan mesej. Hingga ke hari ini, novel yang berusia 900 tahun tersebut masih terus dibaca dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia untuk tatapan umum.

Roger's Book dan Sumbangan Intelektual Islam dalam Pelbagai Bidang

Roger's Book atau *Nuzhat Al-Mushtāq Fi'khtirāq Al-Afāq* adalah sebuah karya penting dalam bidang pemetaan dunia yang dihasilkan oleh ahli geografi Muslim terkemuka, Muhammad al-Idrisi, pada tahun 1154 Masehi. Karya ini merupakan hasil penyelidikan dan pengumpulan data yang dilakukan oleh al-Idrisi selama lima belas tahun di istana Raja Norman Roger II di Sicily, Itali. Ditulis dalam bahasa Arab, al-Idrisi membahagikan dunia kepada tujuh zon cuaca, yang kemudian dibahagikan lagi kepada sepuluh bahagian. Beliau turut merangka peta yang mencakupi keseluruhan benua Eropah, Asia, serta bahagian utara benua Afrika.

Untuk menghasilkan karya agung ini, al-Idrisi menemu duga pengembara berpengalaman secara individu dan berkumpulan mengenai pengetahuan mereka tentang dunia. Penyelidikan beliau diakui sebagai sebuah ensiklopedia geografi yang mengandungi maklumat lengkap mengenai peta dunia serta negara-negara di seluruh dunia. Kehebatan al-Idrisi tiada tandingan, kerana tanpa bantuan satelit atau komputer, beliau berjaya mencipta sebuah glob perak seberat 400 paun untuk Raja Roger II dari Sicily.

Al-Idrisi dianggap lebih maju daripada Marco Polo, kerana beliau bukan sahaja mencatatkan maklumat geografi, tetapi juga setiap tumbuhan yang ditemui serta kegunaannya dalam perubatan, yang berkaitan dengan penyelidikan saintifik. Keupayaan beliau untuk menerangkan budaya, masyarakat, kerajaan, dan cuaca bagi setiap negara yang terdapat pada petanya menunjukkan kepintaran yang luar biasa. Hingga hari ini, peta al-Idrisi masih lagi digunakan di seluruh dunia.

Ibn Bajjah adalah tokoh seterusnya yang dibicarakan. Nama penuh beliau adalah Abu Bakr Muhammad Ibn Yahya al-Saigh, seorang hafiz Al-Quran dan doktor perubatan yang unggul yang lahir di zaman kerajaan Islam Andalusia. Ibn Bajjah memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk sains, matematik, astronomi, falsafah, sastera, linguistik, dan muzik. Walaupun kepakaran beliau dalam bidang perubatan diakui luas, beliau juga seorang ahli politik yang bijak, pernah dilantik sebagai menteri semasa pemerintahan Abu Bakr Ibrahim di Saragossa. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pemuzik yang mahir bermain gambus.

Ibn Bajjah meletakkan ilmu sebagai perkara paling tinggi dalam kehidupan. Menurutnya, manusia dapat mengenali kewujudan benda dan Tuhan melalui ilmu dan akal. Namun, pemikiran beliau yang berbeza dengan masyarakat Granada pada masa itu menyebabkan beliau ditangkap dan dituduh murtad, dengan dakwaan menyebarkan bidaah.

Kejadian tersebut menjadi titik tolak kepada perpindahan Ibn Bajjah ke Fez di Morocco, di mana beliau mendapat pengiktirafan dan penghormatan masyarakat setempat hingga dilantik sebagai menteri. Namun, sanjungan ini menimbulkan rasa iri hati dalam kalangan pihak tertentu, dan akhirnya beliau meninggal dunia akibat diracun oleh Abu al-Ala Ibn Zuhri, seorang tabib, pada Ramadan 533 Hijrah atau 1123 Masehi. Walaupun telah lama meninggal, sumbangannya masih dikenang, dan karyanya telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.

Antara karya terhebat beliau ialah *Risalah al-Wida*, yang membincangkan isu ketuhanan, kewujudan manusia, alam, dan bidang perubatan.

Tokoh Islam terakhir yang dibincangkan adalah Ibn Rusyd atau lebih dikenali sebagai Abu Walid Muhammad Ibn Ahmad. Walaupun banyak berjasa, kematiannya amat menyedihkan. Ibn Rusyd terkenal dalam bidang perundangan dan perubatan, pernah dilantik menjadi hakim di Sevilla dan Cordova. Beliau kemudiannya meninggalkan bidang kehakiman apabila dilantik sebagai doktor diraja oleh kerajaan Andalusia pada tahun 1182.

Pelantikan ini menimbulkan rasa iri hati dalam kalangan pihak tertentu, dan beliau dituduh sebagai Yahudi kerana pemikiran dan pandangan yang berbeza. Akibat tekanan pihak tertentu, beliau dilucutkan jawatan dan dibuang daerah ke Alaisano oleh Khalifah Al-Mansor Al-Muwahhidi. Banyak karya beliau telah dimusnahkan kerana dianggap mengandungi idea-idea yang tidak diterima oleh para ilmuwan ketika itu.

Selepas tamat tempoh buangan, Ibn Rusyd kembali semula ke Cordova, namun kehadirannya tidak dialu-alukan oleh masyarakat. Beliau disisihkan dan dihina, namun hal ini tidak mematahkan semangatnya untuk terus menghasilkan karya yang bermanfaat bagi generasi seterusnya. Ibn Rusyd merupakan individu pertama yang mengeluarkan pendapat bahawa demam campak hanya dialami sekali sahaja oleh setiap individu, fakta yang masih digunakan hingga kini. Khalifah Al-Mansor Al-Muwahhidi akhirnya menyedari kesilapannya dan berusaha mengembalikan penghormatan kepada Ibn Rusyd, namun ia sudah terlambat kerana beliau telah meninggal dunia.

Ibn Rusyd meninggalkan dunia tanpa harta, kecuali karya tulisannya yang sangat berharga. Antara karya-karyanya termasuk *Kulliyah fit-Thibb*, *Mabadil Falsafah*, *Tafsir Urjuza*, *Taslul*, *Kasyful Adillah*, *Tahafatul Falaisafat*, dan *Muwafaqatil Hikmah wal Syari'ah*. Kebanyakan karya ini membahas isu perubatan, falsafah, agama, dan tauhid.

Objektif Khusus

1. Integrasi Pendidikan Agama dan Akademik: Memastikan keseimbangan dalam pengajaran ilmu naqli dan aqli, dengan penekanan pada penguasaan hafazan Quran dan pendidikan akademik berteraskan Sains Tulen, sejajar dengan konsep integrasi ilmu yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali.
2. Pembentukan Sahsiah dan Kemahiran Insaniah: Mengembangkan kemahiran insaniah dan sahsiah pelajar, termasuk nilai-nilai kepimpinan, etika, dan integriti, yang penting untuk melahirkan pemimpin masyarakat seperti yang dicontohi oleh Ibn Khaldun.
3. Pembangunan Kemahiran Kritikal dan Kreatif: Memupuk kemahiran berfikir kritikal dan kreatif yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam dunia yang sentiasa berubah, seperti yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh tamadun Andalusia dalam pelbagai bidang.

Struktur Model

Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 terdiri daripada tiga lapisan utama, yang direka untuk menyokong perkembangan peserta didik pada pelbagai peringkat umur, dari pendidikan awal hingga ke pengajian tinggi.

Generasi Thalatha Tis'a (Umur 3-9 Tahun)

Pada tahap di **lapisan pertama** ini, penekanan diberikan kepada pembelajaran asas al-Quran, penguasaan bahasa, dan perkembangan kemahiran asas. Pendekatan ini menyokong teori perkembangan kanak-kanak yang menekankan pentingnya pendidikan awal dalam pembentukan asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat. Pendekatan ini juga secara hakikatnya adalah pembuktian kepada mukjizat AlQuran itu sendiri yang mengajar kepada kita kaedah penggunaan deria bermula dengan pendengaran, diikuti penglihatan seterusnya kefahaman di dalam fikiran dan hati.

Pada peringkat awal kanak-kanak, perkembangan otak mencapai fasa yang sangat kritikal, di mana *neuroplasticity* atau keupayaan otak untuk membentuk dan mengubah sambungan neural berada pada tahap yang paling optimum. *Neuroplasticity* merujuk kepada keupayaan luar biasa otak kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dengan rangsangan dari persekitaran, menjadikannya sangat responsif terhadap pelbagai bentuk maklumat baharu. Pada usia ini, otak kanak-kanak menunjukkan kepekaan yang tinggi, di mana setiap pengalaman yang diterima mempunyai potensi untuk membentuk dan mengukuhkan sambungan neural, yang seterusnya mempengaruhi perkembangan kognitif mereka secara mendalam.

Fenomena ini sering diibaratkan seperti “span”, di mana otak kanak-kanak dengan mudah menyerap pelbagai bentuk pengetahuan dan pengalaman yang mereka alami. Ini menjadikan fasa ini sangat penting dalam pembangunan pendidikan awal, kerana apa sahaja yang diajarkan atau dialami oleh kanak-kanak pada usia ini akan meninggalkan kesan yang berpanjangan. Oleh itu, keupayaan otak untuk menyusun semula dan memperkukuh sambungan neural berdasarkan input yang diterima semasa fasa ini menekankan betapa pentingnya untuk memberikan pendidikan yang berkualiti tinggi pada peringkat awal kanak-kanak.

Pendidikan yang diberikan pada usia ini perlu dirancang dengan teliti untuk memanfaatkan *neuroplasticity* yang tinggi. Pendekatan pendidikan yang menyeluruh, yang merangkumi rangsangan intelektual, bahasa, emosi, dan sosial, adalah penting untuk memastikan perkembangan otak yang seimbang dan holistik. Dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kaya dan stimulatif, pendidik dan ibu bapa dapat membantu kanak-kanak membina asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat. Ini menunjukkan bahawa fasa awal dalam pendidikan kanak-kanak bukan sahaja penting untuk perkembangan kognitif mereka tetapi juga menentukan potensi pembelajaran dan perkembangan masa depan mereka.

Umum mengetahui, program dan kurikulum Ulul Albab yang dilaksanakan sekarang ini lebih tertumpu kepada pendidikan di peringkat sekolah menengah, iaitu lapisan kedua dalam Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0. Maka, projek Thalatha Tis'a ini merangkumi visi yang lebih luas dan menyeluruh, menfokuskan pendidikan awal kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga sembilan tahun, mengaitkan potensi luar biasa otak kanak-kanak dengan analogi span, di mana otak kanak-kanak khususnya pada 3 tahun pertama kelahiran, akan menyerap segala yang didengar, dilihat, dan dialami. Seusai umur 9 tahun ini, kanak-kanak tersebut boleh meneruskan pembelajarannya di aliran perdana secara *fast track*, bagi menamatkan silibus peringkat sekolah rendah, sebelum meneruskan pengajian di sekolah berasaskan konsep Ulul Albab. Kajian saintis Itali, *Maria Montessori*, yang memperkenalkan idea “*The Absorbent Mind*” menyokong pandangan ini dengan memperkenalkan konsep

perkembangan sensitif pemikiran kanak-kanak yang terbagi kepada empat fasa penting dari lahir hingga usia 12 tahun. Menurut kajian ini, enam tahun pertama adalah tempoh kritikal di mana minda kanak-kanak menyerap informasi dengan cepat, membentuk asas kukuh bagi perkembangan kognitif mereka di masa hadapan.

Pengaruh Budaya dan Islam

Sebagai muslim, masyarakat Melayu kita amat percaya dan yakin dengan mukjizat AlQuran. Kajian ini juga mengingatkan kita kepada amalan tradisional Melayu dan Islam, di mana kanak-kanak sejak usia muda didedahkan kepada bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Amalan ini, yang turut dilihat dalam kehidupan ulama seperti Ibn Sina, Al-Khawarizmi, dan Imam Syafie, memainkan peranan penting dalam membentuk asas keagamaan yang kukuh dalam jiwa mereka. Sayangnya, amalan ini kini semakin terpinggir.

Pendidikan Al-Quran sebagai Budaya dan Pengaruh terhadap Perkembangan Otak (Dendrit) di Kalangan Kanak-Kanak

Pendidikan Al-Quran telah lama menjadi budaya penting dalam masyarakat Islam, di mana generasi kanak-kanak diajar untuk menghafaz dan memahami Al-Quran sejak usia muda. Pengajaran Al-Quran tidak hanya berfungsi sebagai ibadah, tetapi juga memainkan peranan signifikan dalam perkembangan otak dan pembentukan minda cendekiawan. Penelitian saintifik menunjukkan bahawa proses hafazan dan pengulangan ayat-ayat Al-Quran merangsang pembentukan dendrit dalam otak kanak-kanak.

Dendrit adalah cabang-cabang kecil yang muncul dari neuron dan berfungsi untuk menerima impuls elektrik dari neuron lain. Semakin banyak dendrit yang terbentuk, semakin efisien otak dalam memproses informasi. Aktiviti menghafaz Al-Quran yang memerlukan perhatian tinggi, pemahaman, dan pengulangan berterusan, dipercayai dapat meningkatkan pembentukan dendrit ini. Kanak-kanak yang terlibat secara aktif dalam pendidikan Al-Quran cenderung menunjukkan peningkatan dalam kemahiran kognitif seperti ingatan, pemikiran kritis, dan keupayaan menyelesaikan masalah.

Pendidikan Al-Quran sebagai Pemangkin kepada Pembangunan Awal Minda Cendekiawan Islam

Pendidikan Al-Quran pada usia muda juga berperanan sebagai asas penting dalam pembangunan minda cendekiawan Islam. Melalui proses hafazan, kanak-kanak bukan sahaja menguatkan ingatan, tetapi juga mengembangkan kemahiran pemikiran yang mendalam dan reflektif. Al-Quran mengandungi pelbagai tema yang merangkumi etika, hukum, sejarah, dan sains, yang apabila dipelajari dengan betul, membina asas pengetahuan yang luas.

Selain itu, pendidikan Al-Quran mengajarkan disiplin diri dan ketekunan, dua sifat penting yang diperlukan oleh cendekiawan. Kanak-kanak yang dilatih dengan pendidikan ini secara tidak langsung belajar untuk menghargai ilmu dan meneroka pengetahuan di luar batasan agama. Contohnya, cendekiawan Islam zaman dahulu seperti Ibn Sina dan Al-Ghazali, yang

terkenal dalam pelbagai bidang ilmu, semuanya memulakan pendidikan mereka dengan hafazan Al-Quran.

Pendidikan Al-Quran juga mendorong perkembangan spiritual yang mendalam. Kefahaman terhadap Al-Quran menanamkan nilai-nilai moral dan etika yang kukuh dalam diri kanak-kanak, menjadikan mereka individu yang berintegriti dan bertanggungjawab. Ini adalah ciri penting bagi seorang cendekiawan yang bukan sahaja perlu menguasai ilmu, tetapi juga perlu mempraktikkannya dengan adil dan bijaksana.

Secara keseluruhannya, pendidikan Al-Quran memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan otak kanak-kanak dan membentuk asas minda cendekiawan Islam. Dengan menggabungkan keyakinan bahawa Al-Quran adalah mukjizat teragung umat ini dengan pendidikan akademik dan saintifik, generasi muda Muslim dapat dibentuk menjadi individu yang berpengetahuan luas, kreatif, dan beretika, yang mampu memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan tamadun Islam.

Berpegang pada prinsip bahawa pendidikan awal adalah asas penting, maka dicadangkan program *Thalatha T'isa* sebagai pendekatan inovatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Program ini bertujuan memperkenalkan kanak-kanak berusia tiga hingga sembilan tahun kepada pembelajaran Al-Quran secara berperingkat, bermula dari peringkat tadika hingga ke sekolah rendah. Fasa pertama program ini memberi penekanan kepada pendengaran bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, yang dirancang untuk merangsang sel-sel otak kanak-kanak dan menanamkan ayat-ayat tersebut secara tidak langsung dalam ingatan mereka. Pada fasa kedua, fokus diberikan kepada pengenalan huruf dan hafalan ayat-ayat Al-Quran, yang disesuaikan dengan kemampuan individu kanak-kanak.

Pembentukan Minda Ulul Albab

Matlamat akhir program *Thalatha T'isa* adalah untuk memastikan kanak-kanak mampu menghafal sekurang-kurangnya 10 juzuk Al-Quran dalam masa setahun. Meskipun ada kebimbangan bahawa program ini mungkin membebankan kanak-kanak, pendekatan yang digunakan memberi keseimbangan antara masa untuk bermain dan masa untuk belajar, memastikan kanak-kanak dapat menikmati zaman kanak-kanak mereka sambil menerima pendidikan yang berasaskan Al-Quran.

Selepas menyelesaikan program *Thalatha T'isa*, kanak-kanak ini diharapkan dapat menamatkan pendidikan di sekolah rendah biasa aliran arus perdana secara *fast track* seterusnya melanjutkan pengajian di Sekolah Imtiaz atau di mana-mana institusi sekolah berkonsepkan Pendidikan Ulul Albab pada peringkat menengah. Lulusan Imtiaz yang berjaya melengkapkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kemudian akan menjadi calon yang berpotensi untuk mengikuti laluan projek 'Andalusian Scholars' di mana mereka boleh melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang seperti perubatan, kejuruteraan, senibina, teknologi maklumat, dengan memastikan integrasi ilmu naqli dan aqli sentiasa menjadi teras utama pengajian mereka.

Dalam konteks antarabangsa, negara jiran seperti Indonesia telah mendahului Malaysia dalam melahirkan ratusan hafiz cilik yang berjaya menghafal keseluruhan Al-Quran pada usia muda, seawal enam tahun. Kejayaan ini telah menarik perhatian melalui program televisyen

realiti seperti 'Hafiz Indonesia', yang menjadi platform bagi anak-anak kecil ini menunjukkan kebolehan mereka dalam hafalan Al-Quran.

Usaha ini, meskipun tampak kecil, diharapkan dapat menjadi pencetus semangat bagi masyarakat di Malaysia untuk memperkukuhkan pendidikan awal yang berasaskan Al-Quran. Modul Thalatha T'isa kini sedang dirangka oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Ulul Albab dan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Kanak-Kanak Negara. Dengan adanya modul ini, diharapkan kedua-dua Projek Thalatha T'isa dan *Andalusian Scholars* dapat berjalan dengan lancar, menjadikan Gagasan Pendidikan Ulul Albab sebagai sebuah sistem pendidikan yang lengkap, merangkumi pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Generasi Pelajar Ulul Albab (Sekolah Menengah):

Tahap ini memberi fokus kepada pengintegrasian pendidikan agama dan akademik dengan penekanan kepada sains dan teknologi. Pendekatan ini selari dengan konsep pendidikan bersepadu yang menekankan pembangunan seimbang dalam semua aspek, termasuk rohani, intelek, emosi, dan sosial.

Golongan pelajar Ulul Albab telah mencapai kejayaan yang luar biasa dalam bidang akademik dan agama, yang membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke pelbagai universiti terkemuka di dalam dan luar negara. Pelajar-pelajar ini, yang telah menjalani program pendidikan yang mengintegrasikan hafazan Al-Quran dengan kurikulum akademik, sering mencatatkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan kebangsaan, seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), serta ujian-ujian kemasukan universiti.

Agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Yayasan Terengganu (YT) serta Maahad Tahfiz Sains di bawah kerajaan negeri seharusnya berganding bahu dalam menyelaraskan program dan kurikulum Pendidikan Ulul Albab yang dilaksanakan di institusi masing-masing bagi memantapkan dan mengukuhkan hasil kementerian murid dalam tempoh 5 tahun pengajian.

Secara keseluruhannya, pencapaian golongan pelajar Ulul Albab ini mencerminkan kejayaan model pendidikan yang bukan sahaja memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik, tetapi juga membentuk individu yang seimbang dari segi rohani, intelek, dan sahsiah. Kejayaan mereka di pelbagai universiti dalam dan luar negara adalah bukti bahawa program Ulul Albab telah berjaya melahirkan generasi pemimpin masa depan yang berwibawa dan berakhlak mulia.

Golongan Andalusian Scholars (Pengajian Tinggi)

Tahap ini melibatkan penyelidikan lanjutan dan aplikasi ilmu dalam konteks global. Ia bertujuan melahirkan ilmuwan yang mampu menyumbang kepada kemajuan ilmu pengetahuan dan masyarakat, mirip dengan peranan yang dimainkan oleh para sarjana Andalusia seperti Ibn Bajjah dalam falsafah dan sains.


Di peringkat tempatan, ramai pelajar Ulul Albab telah melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi yang terkemuka seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Sains

Malaysia(USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta universiti awam lain. Di universiti-universiti ini, mereka tidak hanya mengukuhkan pencapaian akademik mereka tetapi juga memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada komuniti universiti melalui pelbagai program dan inisiatif yang memupuk sahsiah dan pembangunan ummah.

Selain itu, pelajar Ulul Albab yang melanjutkan pengajian di universiti swasta seperti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan institusi-institusi lain juga telah menunjukkan prestasi akademik yang membanggakan. Mereka sering terlibat dalam penyelidikan dan projek-projek yang membawa impak positif kepada masyarakat, mencerminkan integrasi ilmu yang mereka pelajari dalam program Ulul Albab pada peringkat sekolah menengah.

Dalam usaha memperkasa projek *Andalusian Scholars*, pertemuan telah diadakan dengan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dato' Abdul Razak Abdul Majid, untuk berkongsi idea serta strategi pelaksanaan. Universiti Tenaga Nasional (UniTen) telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan kursus kejuruteraan kepada para lulusan Imtiaz dan Ulul Albab. Inisiatif ini memastikan bahawa para pelajar yang telah melalui pendidikan berasaskan Al-Quran tidak terlepas dari mengekalkan hafazan mereka, meskipun ketika mengikuti kursus-kursus profesional. Pendekatan ini menekankan pentingnya kesinambungan dalam pemahaman dan pengamalan Al-Quran bagi para pelajar sepanjang pengajian mereka.

Secara ilustrasinya ketiga tiga lapisan itu tadi boleh dilakarkan dengan gambarajah berikut:



Meskipun cabaran besar dalam merealisasikan usaha ini tidak dapat dinafikan, ia tidaklah mustahil untuk dicapai. Hal ini kerana kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia, sama ada awam atau swasta, telah membina kerangka kerja yang memisahkan pengkhususan akademik dari prinsip-prinsip Islam. Dalam konteks ini, UniTen, UIA dan USIM telah berjaya menerapkan pendekatan yang berbeza dengan menyatukan aspek profesional dan keagamaan. Sokongan penuh daripada pihak universiti terhadap idea ini menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan lulusan Ulul Albab dapat melanjutkan pengajian dalam pelbagai

bidang, mengikuti jejak *polymath* pada zaman kegemilangan Andalusia. Namun, cabaran terbesar yang dihadapi adalah ketiadaan keseragaman dalam penyelarasan kerja antara pelbagai pihak yang terlibat. Kekurangan komunikasi yang berkesan antara pihak-pihak berkepentingan menyebabkan pelaksanaan yang sukar dan tidak efisien.

Untuk mengatasi masalah ini, pada tahun 2017, Pusat Ulul Albab di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah ditubuhkan sebagai urusetia bagi memastikan komunikasi dan koordinasi yang lebih baik antara semua pihak yang terlibat. Pusat ini bertujuan untuk menyelaraskan pangkalan data para lulusan Ulul Albab dan memastikan kesinambungan program di semua peringkat pendidikan selain daripada tawaran beberapa kursus latihan profesional Ulul Albab untuk tenaga pengajar.

Definisi Polymath Muslim

Ciri-Ciri

1. Keilmuan yang Luas: Menguasai ilmu agama dan ilmu umum, seperti yang dicontohi oleh tokoh-tokoh seperti Ibn Sina dan Al-Farabi.
2. Keupayaan Integrasi Ilmu: Menggabungkan prinsip-prinsip agama dengan pengetahuan saintifik untuk menghasilkan pemahaman holistik.
3. Sumbangan kepada Masyarakat: Menghasilkan karya-karya penting dan memberi sumbangan praktikal kepada masyarakat, seperti yang dilakukan oleh Al-Khawarizmi dalam bidang matematik dan astronomi.
4. Komitmen kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat: Terus mencari dan memperdalam pengetahuan sepanjang hayat, seperti yang dicontohi oleh Ibn Khaldun.

Contoh Polymath Muslim Terkenal

1. Ibn Sina (Avicenna): Seorang ahli perubatan dan falsafah yang terkenal dengan karyanya *The Canon of Medicine* yang menjadi rujukan utama dalam bidang perubatan selama berabad-abad.
2. Al-Farabi: Seorang ahli falsafah dan muzik yang terkenal dengan konsep masyarakat ideal dalam karya falsafahnya.
3. Al-Khawarizmi: Seorang ahli matematik dan astronomi yang dikenali sebagai bapa algebra.
4. Ibn Khaldun: Seorang ahli sejarah dan sosiologi yang terkenal dengan karyanya *Muqaddimah*, yang dianggap sebagai karya perintis dalam bidang sosiologi dan sejarah.

PELAKSANAAN MODUL

1. Pembangunan Kurikulum Bersepadu: Kurikulum dibina dengan menekankan keseimbangan antara pendidikan agama dan akademik, dengan fleksibiliti untuk menyesuaikan diri dengan keperluan lokal. Pendekatan ini mencerminkan prinsip pendidikan yang diketengahkan oleh al-Attas, yang menekankan integrasi ilmu dalam membentuk insan yang sempurna.

2. Latihan dan Pengembangan Guru: Guru dilatih secara khusus untuk menyampaikan pendidikan yang seimbang dan berkesan, dengan penekanan kepada pedagogi terkini dan pemahaman mendalam terhadap kurikulum.
3. Penglibatan Komuniti dan Keluarga: Kerjasama antara institusi pendidikan, keluarga, dan komuniti adalah penting untuk memastikan sokongan menyeluruh terhadap perkembangan peserta didik.
4. Penilaian dan Pemantauan Berkala: Penggunaan alat penilaian yang komprehensif untuk menilai kemajuan pelajar dari segi akademik, sahsiah, dan kerohanian, serta pemantauan berterusan untuk penambahbaikan program.

IMPLIKASI DAN POTENSI

Model ini menawarkan pendekatan holistik dalam pendidikan yang memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah dan kerohanian di samping pencapaian akademik. Model ini juga berpotensi untuk menjadi inspirasi global bagi sistem pendidikan Islam, dengan menekankan integrasi ilmu pengetahuan dan nilai-nilai Islam, seperti yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh tamadun Andalusia. Selain itu, Model Segitiga Gagasan Andalusia 2.0 menyambung kembali warisan keilmuan tamadun Andalusia dalam konteks moden, menyediakan asas untuk inovasi dan pembangunan berterusan dalam pelbagai bidang ilmu.

Model Segi tiga Gagasan Andalusia 2.0 menyediakan kerangka yang menyeluruh untuk membangunkan generasi ilmuwan Islam yang bersedia menghadapi cabaran masa depan. Dengan menekankan pembelajaran sepanjang hayat, penguasaan pelbagai disiplin ilmu, dan penanaman nilai-nilai murni, model ini berpotensi untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ummah dan masyarakat global, seperti yang telah dicontohi oleh para ilmuwan Andalusia yang meninggalkan legasi ilmu yang kekal hingga ke hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan kajian kes untuk memahami secara mendalam evolusi Pendidikan Ulul Albab di Malaysia. Data dikumpul melalui analisis dokumen sejarah, kajian literatur, serta wawancara dengan pengasas dan pelaksana program. Pendekatan analisis data melibatkan penggunaan perisian analisis kualitatif seperti NVivo untuk mengkategorikan dan menganalisis tema-tema utama yang muncul dari data.

ANALISIS DAPATAN

Kajian ini mendapati bahawa Pendidikan Ulul Albab telah mencapai kejayaan yang signifikan dalam melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi akademik dan agama. Model ini juga didapati berkesan dalam membentuk pelajar yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa, dengan pencapaian cemerlang di institusi pengajian tinggi terkemuka seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, USIM, UPSI, serta universiti tersohor luar negara.

Selain itu, kajian ini juga menganalisis potensi Model Segitiga Gagasan Andalusia 2.0 dalam konteks pendidikan semasa. Model ini didapati sesuai dan relevan untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan Islam global, dengan kemampuan untuk memacu inovasi dan

pembangunan berterusan dalam pelbagai bidang ilmu aerta memantapkan lagi Pendidikan Ulul Albab yang telah sedia ada.

6.0 Perbincangan

Perbincangan kajian ini meneliti implikasi penemuan terhadap dasar pendidikan di Malaysia, serta bagaimana Model Segitiga Gagasan Andalusia 2.0 dapat diimplementasikan dalam konteks lain. Perbincangan juga memberi tumpuan kepada hubungan antara tamadun Andalusia dan pendidikan moden, serta bagaimana warisan keilmuan Andalusia dapat dihidupkan semula untuk membentuk generasi ilmuwan Islam masa depan.

7.0 Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini menyimpulkan bahawa Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0 mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada kerangka pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi. Kajian ini juga memberikan cadangan untuk penyelidikan masa depan, termasuk kajian lanjutan mengenai keberkesanan model pendidikan ini dalam konteks global, serta saranan untuk peningkatan program yang sedia ada iaitu Program dan Kurikulum Ulul Albab. Ianya memerlukan usaha yang padu dari semua pemegangtaruh berkaitan iaitu Yayasan Terengganu, MARA dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kerajaan Negeri jua, bagi memastikannya bergerak dan berjalan seiring dengan aspirasi negara. Tahun 2100 merupakan tempoh 3 generasi mendatang yang diperlukan bagi melihat impian ini menjadi realiti.

8.0 Penutup

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada bidang pendidikan Islam dengan menawarkan model pendidikan yang holistik dan relevan untuk masa depan. Melalui Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0, diharapkan dapat melahirkan generasi ilmuwan Islam yang mampu membawa perubahan positif dalam masyarakat, sambil mengekalkan nilai-nilai Islam yang kukuh.

Artikel ini bertujuan untuk menyumbang kepada perbincangan akademik yang lebih luas mengenai evolusi Pendidikan Ulul Albab di Malaysia dan potensi Model Segitiga Gagasan Andalusia 2.0 sebagai kerangka pendekatan pendidikan yang berkesan dalam membangunkan modal insan yang seimbang dan menyeluruh.

Rujukan

Abdul Rahman, Z. A. (2013). Peranan Institusi Pendidikan Ulul Albab dalam Pembinaan Jati Diri Muslim di Kalangan Remaja. Seminar Pendidikan Islam, Universiti Malaya.

Abdullah, M. F. N. L., & Yasin, M. H. M. (2014). Pembentukan Generasi Ulul Albab Melalui Pendidikan Islam Bersepadu: Kajian di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 51-58.

Al-Attas, S. M. N. (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*. Hodder and Stoughton.

Al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Hashim, R. A. (2016). *Islamic Education in Malaysia: From Traditional to Ulul Albab Model. In Islamic Education in Southeast Asia: History, Models and Issues, edited by Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 98-112. Kuala Lumpur: IIUM Press.*
- Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An Introduction to History.* Princeton University Press.
- Ibn Rushd. (2001). *The Incoherence of the Incoherence.* Harvard University Press.
- Ibn Sina. (1999). *The Canon of Medicine.* Oxford University Press.
- Ismail, A. H., & Abd. Rahman, N. H. (2020). Konsep Pendidikan Ulul Albab: Analisis dan Pelaksanaan di Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam, 99-110.
- Manaf, U. K. A., Manaf, Z. A., Rahman, R. A., Talib, Z. A., Jafri, N., Kamaruddin, W. A. Z. W. (2021). *The Origin, Conception, Planning, Development and Implementation of the First Ulul Albab Educational Programme: The Untold Story of Imtiaz Kota Putera, Besut, Terengganu.* Penerbitan Anaasa PLT.
- Mohamed, M. A. (2012). Pendidikan Ulul Albab: Suatu Pendekatan Bersepadu dalam Melahirkan Generasi Muslim Berkualiti. *Jurnal Pendidikan Islam dan Pembangunan Insan, 3(1), 33-46.*
- Mohd Noor, M. S. (2017). Pendidikan Ulul Albab di Malaysia: Satu Analisis Perlaksanaan dan Cabaran. *International Journal of Islamic Thought, 11(1), 34-45.*
- Mohd Nor, M. R., & Zainal, A. A. (2018). Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Ulul Albab di Malaysia: Perspektif Sains dan Teknologi. *Jurnal Teknologi dan Inovasi, 10(3), 120-134.*
- Montessori, M. (1967). *The Absorbent Mind. New York: Holt, Rinehart and Winston.*
- Osman Bakar. (2019). *Islamic Civilisation and The Modern World. Islamic Book Trust.*
- Rahman, A. (2015). Imtiaz: Integrasi Pendidikan Islam dan Sains dalam Melahirkan Generasi Ulul Albab. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali, R., & Nor, H. M. (2017). Cabaran Pelaksanaan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM): Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Social Sciences, 3(2), 78-89.*
- Salleh, M. A. (2019). Kurikulum Ulul Albab dan Keberkesannya dalam Pendidikan Holistik di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam, 27(2), 45-60.*
- Shukery Mohamed. (2010). Inovasi Kurikulum Sekolah Menengah: Kes Sekolah Imtiaz. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2013). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas.* ISTAC.
- Yahya, M. S., & Ahmad, N. A. (2016). Pendekatan Ulul Albab dalam Pembangunan Pendidikan Islam di Malaysia: Analisis Konsep dan Pelaksanaan. *Journal of Islamic Education, 4(1), 22-34.*
- Yusoff, W. M. W. (2011). Pengurusan Pendidikan Islam Bersepadu: Kajian Kes di Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal, A. A., & Mohd Nor, M. R. (2018). Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Ulul Albab di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.